



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
31 DISEMBER 2018 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Nasib malang empat beradik | 21 |
| - Isu Jalan berlubang, turapan tidak sempurna diambil serius | 21 |
| - Penduduk Kampung Pasir bantah kerja pasang paip | 21 |

Harian Metro

- | | |
|---------------------------|-------|
| - 'HABIS HANGUS SEMUANYA' | 10-11 |
|---------------------------|-------|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 31 DISEMBER 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Nasib malang empat beradik
Muka Surat	21

SINAR HARIAN • ISNIN 31 DISEMBER 2018

21

AMPANG. HULU LANGAT

HUBUNGI SKIDAM AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL - 019 3371003 / 019 6680275

SA 31/12/18 MS 21.

Nasib malang empat beradik

Pakaian seragam, kelengkapan sekolah musnah dalam kebakaran

AMPANG

Jeritan seorang ibu menyelamatkan suami dan empat anaknya apabila rumah yang mereka sewa di Kampung Pandan, di sini, musnah dalam kebakaran, semalam.

Seorang Mangsa, Siti Nurdiana Dar'en, 16, berkata, ketika kejadian pada kira-kira jam 8 pagi itu, dia berada di dalam bilik.

"Saya menyedari rumah terbakar selepas mendengar jeritan ibu supaya menyelamatkan diri selepas dia melihat api ketika membuka



Siti Nurdiana bersama tiga adiknya menceritakan detik cemas ketika rumah mereka terbakar.

pintu bilik stor," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Siti Nurdiana berkata, mereka sekeluarga kini tinggal sehelai sepinggang.

"Saya tidak sempat menyelamatkan barangan peribadi termasuk kelengkapan sekolahnya dan tiga adiknya yang musnah dalam kebakaran ini," katanya.

Dia berkata, ibunya hanya sempat menyelamatkan dokumen peribadi.

"Saya pula hanya sempat



Anggota Bomba berusaha memadamkan kebakaran sebuah rumah di Kampung Pandan semalam.

bawa lari telefon bimbit milik saya dan adik," katanya.

Sementara itu, menurut sumber, pasukan Bomba dan Penyelamat menerima panggilan kecemasan daripada orang awam memaklumkan dua rumah terbakar pada jam 8.32 pagi.

"Seramai 13 anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat Ampang dan Pandan Indah bergegas ke lokasi kejadian.

"Kita tiba di lokasi kejadian pada jam 8.45 pagi mendapati api sedang marak, kita mengawal kebakaran 10 minit kemudian.

"Api berjaya dipadamkan sepenuhnya pada jam 10.40 pagi. Jumlah kerugian dan punca kejadian masih dalam siasatan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 31 DISEMBER 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Isu Jalan berlubang, turapan tidak sempurna diambil serius
Muka Surat	21



Jalan menjadi rosak selepas kerja mengorek jalan dilaksanakan.

Isu jalan berlubang, turapan tidak sempurna diambil serius

94 31/12/18 M/S 21

PANDAN INDAH - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memandang serius berhubung dakwaan penurunan jalan yang tidak sempurna selepas jalan berkenaan dikorek untuk kerja membaiki pulih atau menaik taraf oleh syarikat utiliti.

Ahli Majlis MPAJ, Mohd Aris Ismail berkata, pihaknya sedia maklum berhubung aduan penduduk berkaitan jalan berlubang akibat kerja baik pulih yang dilaksanakan oleh syarikat utiliti termasuk Air Selangor.

"Saya telah turun padang melihat sendiri kerja-kerja penu-

rapan jalan yang boleh dianggap tiada kualiti ini di beberapa lokasi antaranya Jalan Cempaka. Selepas kerja menampal, jalan berkenaan mendap kerana hujan," katanya di sini.

Mohd Aris berkata, pihak terlibat diarahkan untuk menu-rap semula jalan tersebut.

"Kerja-kerja baik pulih jalan akan dilaksanakan segera selepas kita membuat aduan kepada pihak berkenaan iaitu kontraktornya untuk melaksanakan kerja selepas diarahkan oleh syarikat utiliti termasuk Air Selangor," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
31 DISEMBER 2018 (ISNIN)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penduduk Kampung Pasir bantah kerja pasang paip
Muka Surat	21

Penduduk Kampung Pasir bantah kerja pasang paip

AMPANG - Penduduk Kampung Pasir, Hulu Kelang membantah kerja pengorekan jalan yang didakwa akan dilaksanakan untuk pemasangan paip di Jalan Haji Zam-Zam.

Pengerusi Surah Al Falahiyah, Badaruddin Abd Aziz berkata, penduduk khuatir pelaksanaan projek tersebut berkemungkinan akan menimbulkan gangguan lalu lintas.

"Jalan utama kampung ini akan menjadi lebih sempit sekiranya projek tersebut dilaksanakan kelak," katanya.

Badaruddin berkata, pemasangan paip itu dipercayai untuk kegunaan penduduk di dua blok kondominium berhampiran kampung tersebut.

"Kami berharap pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dapat mengadakan perbincangan bersama penduduk berhubung projek pemasangan paip berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, penduduk kampung itu turut membantah penduduk pangsapuri terbabit menggunakan Jalan Haji Zam-Zam dan Jalan Haji Mokhtar sebagai jalan keluar masuk kerana laluan tersebut menjadi sesak ketika waktu puncak.

"Kami mendesak MPAJ membuka laluan 'ramp' berhampiran kondominium tersebut. Penduduk kampung berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri Selangor dapat membantu menyelesaikan



Penduduk kampung Penduduk Kampung Pasir bantah kerja pemasangan paip.

masalah yang membelenggu penduduk kampung," katanya.

Pada September lalu, Penduduk Taman Ukay Bistari, di sini, membantah penggunaan Jalan UB2A sebagai laluan utama bagi keluar dan masuk ke kondominium berhampiran.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Ukay Bistari, Ghazali Mohammad berkata, penduduk mendakwa penggunaan jalan di kawasan perumahan mereka akan meningkat dan menjadi sesak jika pemaju kondominium berkenaan menggunakan Jalan UB2A sebagai jalan utama.

Penduduk kawasan perumahan itu telah melakukan bantahan ini sejak dua tahun lalu.

Dalam kenyataan, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati

Ahmad sebelum ini memaklumkan pemaju perlu merobohkan penghadang yang ada di kawasan perumahan tersebut, serta perlu mengikut syarat kelulusan infrastruktur MPAJ.

Pemaju juga telah memohon untuk melaksanakan pembinaan jalan melalui 'ramp' bagi laluan keluar dan masuk ke pangsapuri berhampiran.

Perkara ini terdapat dalam pelan kelulusan infrastruktur MPAJ. Kita akan kekal dengan keputusan membenarkan pemaju membina 'ramp' tersebut.

Sementara itu, Adun Hulu Kelang, Saari Sungib berkata, kerja perobohan penghadang dihentikan serta-merta sehingga perbincangan bersama pihak MPAJ dan pemaju dimuktamadkan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 31 DISEMBER 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	'HABIS HANGUS SEMUANYA'
Muka Surat	10-11

tukar padam kebakaran
da pili air berdekatan

HARIAN METRO

31/12/18 12/3/10 -11

'HABIS HANGUS SEMUANYA'

Wanita hiba lihat anak menangis kelengkapan sekolah musnah dalam kebakaran

Nurul Hidayah Bahaudin
news@nsp.com.my

Ampang

"Saya tidak dapat menahan sebak melihat anak-anak menangis berikutan kelengkapan sekolah mereka musnah dalam kebakaran," kata Agus Tina Indayan Yatin, 34, mangsa kebakaran di Kampung Pandan Dalam di sini.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 pagi semalam, dua rumah musnah sepenuhnya dalam kebakaran itu namun tidak membabitkan mangsa.

Agus berkata, ketika kejadian, dia sedang menggosok baju sebelum terdengar bunyi aneh pada zink bahagian stor rumah sewa didiami.

"Saya terkejut apabila melihat api membakar stor dan terus berlari mengejutkan anak-anak yang sedang tidur di dalam bilik. Suami, Dar'en Madani, 44, yang sedang berehat di ruang tamu turut bergegas keluar dan meminta bantuan daripada jiran berhampiran.

"Dalam keadaan kelam-kabut, saya tidak sempat menyelamatkan barangan sekolah anak-anak. Namun, saya sempat membawa keluar beg mengandungi dokumen

17 >> Bilangan pegawai dan bomba dikerahkan ke lok

HARIAN METRO

Dua rumah musnah sepenuhnya, watin kebakaran di Kampung Pandan Dalam, Ampang.

ANGGOTA bomba memadamkan kebakaran rumah di Kampung Pandan Dalam, Ampang, semalam.

penting kami selamatkan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Katanya, kelengkapan persekolahan empat anaknya berusia enam hingga 16 tahun musnah dalam kebakaran itu.

"Semua kelengkapan mereka untuk memulakan sesi persekolahan Rabu ini sudah disediakan, malah anak-anak nampak semangat memulakan sesi persekolahan nanti. Tapi malang bagi mereka (anak-anak) kerana barang sekolah mereka musnah dalam kebakaran ini.

"Saya melihat anak menangis kerana bimbang tiada kelengkapan ke sekolah nanti," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pandan Indah Mohd Faizal Md Zain berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 8.30 pagi.

"Seramai 17 pegawai dan anggota bersama empat jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pandan Indah dan Ampang dikerahkan ke lokasi kejadian," katanya.

Katanya, pihaknya berdepan kesukaran untuk memadamkan kebakaran itu kerana tiada pili air bomba dan kedudukan rumah dekat antara satu sama lain.